



PEJABAT PERDANA MENTERI
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221
E-mel: infomitra.mitra.gov.my

MITRA.100-9/1/1 (14)

KENYATAAN MEDIA
MAJLIS PENUTUPAN DAN PENYAMPAIAN CEK DANA PEMANGKIN
PERNIAGAAN DAN SIJIL PENYEMPURNAAN PROGRAM
BIMBINGAN ASAS BISNES (STARTUP COACHING) TAHUN 2024

PERAK, 6 DISEMBER 2024 – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Pejabat Perdana Menteri telah meluluskan Geran Kewangan untuk Program Bimbingan Asas Bisnes (Start-Up Coaching) kepada Dewan Perniagaan India Perak pada tahun 2023.

2. Program ini melibatkan kos sebanyak RM284,133.00 dan memberi manfaat kepada 15 peserta yang berminat untuk meningkatkan taraf hidup melalui bidang keusahawanan.
3. Selain diwajibkan menghadiri kursus, peserta turut diberi pendedahan melalui latihan '*hands-on*' dalam bidang perniagaan yang ingin diceburi. Ini turut meningkatkan nilai-nilai keusahawanan pada peserta-peserta program.
4. Peserta juga diberi pendedahan dalam teknik mendigitalkan perniagaan, penggunaan media sosial secara optimum untuk mempromosikan perniagaan dan meningkatkan *digital presence* perniagaan yang dilihat sebagai elemen penting dalam bidang keusahawanan masa kini.
5. Pada penghujung program latihan, peserta-peserta ini turut diberikan dana pemangkin berjumlah RM10,000.00 untuk setiap peserta bagi memulakan perniagaan mereka sendiri.

-TAMAT-

UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
6 DISEMBER 2024